

1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
2010

Set
2

JABATAN PELAJARAN PERAK

2¼ jam

JUSA



BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit



JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawaban boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi .*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

<http://exammy.com/>
<http://edu.joshuatly.com/>

[Lihat sebelah

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada kegiatan sukan di sekolah. Huraikan pendapat anda tentang peranan sukan kepada pelajar di sekolah. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan

PERANAN SUKAN DI SEKOLAH



KEGIATAN SUKAN DALAM KALANGAN PELAJAR

Bahagian B

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Masyarakat kini suka akan makanan segera di samping mengamalkan gaya hidup moden. Hal demikian menjadi punca utama munculnya pelbagai penyakit.

Sebagai remaja yang prihatin, huraikan cara-cara yang boleh anda lakukan untuk membantu masyarakat hidup cara sihat.

2. Ada pendapat yang mengatakan bahawa amalan gaya hidup sihat itu bermula di rumah. Hal ini bermaksud, keluarga berperanan penting terhadap amalan gaya hidup sihat dalam kalangan anak-anak.

Bincangkan peranan keluarga dalam memastikan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan anak-anak.

3. Sektor pelancongan banyak membuka peluang kepada rakyat untuk meningkatkan pendapatan. Oleh itu, langkah-langkah mengalakkan kehadiran pelancong asing ke negara kita perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak.

Cadangkan langkah-langkah tersebut.

4. Wabak penyakit berbahaya boleh menular ke mana-mana negara di dunia ini. Oleh itu, setiap negara perlu bersedia dengan cara-cara yang berkesan bagi menangani penularan wabak penyakit berbahaya ini.

Tulis rencana tentang cara-cara yang boleh diambil oleh negara-negara di dunia termasuk Malaysia untuk menangani penularan wabak penyakit berbahaya ini.

5. Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengadakan peraduan mengarang cerpen bersempena dengan sambutan Hari Warga Tua. Cerpen yang dihasilkan mestilah berdasarkan slogan "Golongan Muda Prihatin, Golongan Tua Terbela". Anda ingin menyertai pertandingan itu.

Tulis cerpen anda itu selengkapnya

Kertas Soalan Tamat

<http://exammy.com/>
<http://edu.joshuatly.com/>

1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
2010

JABATAN PELAJARAN PERAK



2½ jam

JUSA 2010



BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit



JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c) dan Soalan 2(d) berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

<http://exammy.com/>
<http://edu.joshuatly.com/>

Soalan 1 : Rumusan
[30 markah]

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian buat satu rumusan tentang **punca-punca berlakunya bencana alam dan usaha-usaha menanganinya**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Sejak kebelakangan ini pelbagai krisis bencana alam telah berlaku di serata dunia. Masyarakat dunia telah digemparkan dengan peristiwa bencana alam yang amat dahsyat iaitu Taufan Nargis di Myanmar dan gempa bumi di China. Manakala, rantau Asia juga pernah dikejutkan dengan bencana tsunami yang berpunca daripada gempa bumi dasar laut di Lautan Hindi. Akibatnya, ratusan ribu nyawa hilang. Tragedi menyayat hati ini membuktikan bahawa bencana alam yang berlaku kadang kala datang tanpa diduga.

Statistik menunjukkan semenjak tahun 1992 hingga tahun 2002 di Asia, kejadian bencana alam telah menjejaskan kehidupan lebih daripada 1.7 juta manusia dan telah meragut sebanyak 420, 867 nyawa. Bencana alam juga turut menyebabkan kerugian harta benda sebanyak AS 369, 362 juta dolar. Selain itu, kemunculan bencana di tengah-tengah *gelombang pembangunan* telah memberikan ancaman kepada keselamatan dan ekonomi sesebuah negara. Hal ini kerana, bencana yang berlaku boleh membawa kepada kerugian harta benda. Di samping itu, keghairahan negara untuk membangun dengan pesat turut mendorong berlakunya bencana alam. Seterusnya, pembukaan kawasan bandar baru, industri dan kawasan perumahan telah menyebabkan sistem ekologi yang asal tidak mampu untuk menghalang sebarang kejadian bencana alam daripada tidak berlaku.

Pada awal sejarah kehidupan manusia, bencana alam yang berlaku dianggap sebagai salah satu proses alam semula jadi. Beberapa saintis di Barat mengaitkan peningkatan kejadian bencana alam sejak akhir-akhir ini dengan fenomena perubahan cuaca global. Bencana seperti ribut taufan, banjir besar dan kemarau panjang adalah terhasil daripada perubahan cuaca yang tidak menentu. Selain itu, kejadian bencana alam sering dikaitkan dengan kemusnahan alam sekitar terutama hutan belantara negara. Keadaan ini wujud kerana, hutan dianggap menjadi pelindung atau penahan daripada berlakunya kejadian banjir dan kemarau disebabkan keupayaannya untuk menakung air dan menyalirkan air dengan baik. Menurut Majlis Keselamatan Negara (MKN), kejadian yang berlaku turut menjejaskan aktiviti masyarakat setempat.

Peristiwa bencana yang berlaku di serata dunia seharusnya menjadi iktibar kepada kita khususnya di Malaysia. Hakikatnya, lemahnya koordinasi antara agensi kerajaan dan orang ramai dalam mengambil tindakan semasa bencana berlaku turut mengundang padah. Seterusnya, kegagalan untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda juga disebabkan ketiadaan sistem amaran awal serta kegagalan penyampaian maklumat. Keadaan menjadi bertambah buruk apabila kurangnya kesedaran masyarakat untuk menjaga alam sekitar. Tambahan pula, sikap kita dalam menguruskan sumber asli terutama penyelenggaraan sungai dan pembalakan hutan yang tidak praktikal telah menambahkan lagi risiko berlakunya bencana.

Kesimpulannya, kejadian bencana alam yang semakin meningkat merupakan suatu bentuk ancaman kepada pembangunan dunia. Bencana alam yang menimpa tidak mengira masa dan tempatnya. Kesiapsiagaan kita untuk menghadapinya melalui langkah-langkah konkrit dapat mengurangkan risiko bencana alam sekali gus dapat menjamin kelangsungan kehidupan dan kelestarian pembangunan.

(Dipetik dan diubah suai daripada
Rencana Pengarang, 'Bencana Alam Jejas Pembangunan
Berita Harian, 21 Jun 2008)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangkai kata *gelombang pembangunan*. [2 markah]
- (ii) Nyatakakan kesan-kesan yang timbul kepada masyarakat akibat daripada berlakunya bencana alam. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk mengatasi masalah pencemaran sungai.. [4 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Cerpen.

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“ Aha! Annyss Sophillea! Lama betul kau menghilangkan diri. Apa yang dimenungkan tu?” Satu suara lelaki mengejutkan lamunannya. Pantas dia menoleh.

“ Kau, Strenn?”

“ Siapa lagi kalau bukan sepupu kau yang seorang ni?” balas Strenn. Dia bukanlah orang pertama yang Annyss jangka akan menyambut kepulangannya. “Tak ke mana pun perginya belut, akhirnya pulang juga ke lumpur.” Strenn terus menyindir.

“ Apa yang kau mahu datang ke sini?” tegas Annyss.

“ Sekadar bertanya khabar.”

“ Kalau itu yang kau inginkan, khabarku masih baik.”

“ Bagaimana dengan Eyrique? Sudah ditemui?”

Pertanyaan Strenn berbau sinis. “Lupakan dia Annyss, kalau kau menjadi isteriku, sakaligus kau adalah Permaisuri Alstonia. Tapi kalau Eyrique naik takhta, kau tidak akan dapat apa-apa.” Strenn telah merasakan kemenangannya. “Untuk pengetahuan kau, aku sudah pun berjumpa dengan Eyrique.” Annyss cukup nekad dengan jawapannya. “Esok akan kubawa dia ke istana. Bersedialah!” Dengan hamburan kata-kata itu, Annyss meninggalkan Strenn yang amat terkejut. Air mukanya jelas berubah tatkala Annyss menekan perkataan ‘sudah.’

Annyss sendiri agak tergamam dengan tindakannya. Entah mengapa lancar benar lidahnya mendustai Strenn. Dalam diam dia memasang tekad. Eyrique harus muncul esok walau apa sekalipun halangannya.

(Dipetik daripada
'Annyss Sophillea'
oleh Nisah Haji Haron dalam antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berdasarkan petikan di atas, kemukakan **tiga** perkara yang dinyatakan oleh Strenn kepada Annyss.

[3 markah]

- (ii) Berikan **tiga** faktor yang mendorong Annyss mengeluarkan kata-kata kasar kepada Strenn.

[3 markah]

- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Annyss yang terdapat dalam petikan dan **satu** perwatakan Annyss yang lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen.

[3 markah]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kedengaranlah kepada Laksamana, mengatakan hal anak raja itu, sudah diketahui orang. Maka Laksamana muafakat dengan Raja Negara, mengatakan hal anak raja itu, sudah diketahui oleh Yamtuan Muda, “Baiklah kita suruh larikan. Jikalau saudara kita, Temenggung Muar, membawa ke Muar, nescaya tahu juga orang, kerana anak raja itu sudah dikenal orang.”

Maka Temenggung Muar pun menyerah akan bicara kepada Laksamana. Maka Laksamana pun mencari orang yang boleh membawa anak raja itu. Dan ada nakhoda, orang Minangkabau, Nakhoda Malim namanya, bersahabat dengan Laksamana. Maka Laksamana pun fikir, “Baiklah aku beri akan anak raja ini, boleh dibawanya.” Maka Laksamana pun lalu memanggil Nakhoda Malim. Dan Laksamana pun berkhobar kepada Nakhoda Malim, mengatakan segala rahsianya, dan ceritanya (bahawa) anak raja itulah

Putera Marhum Mangkat Dijulang. “Dan anak raja inilah, sahaya minta, tolong peliharakan baik-baik. Dengan mudah-mudahan, Allah taala beri, dapat beruntunglah nakhoda.”

Dan Nakhoda Malim pun terlalu suka. Maka Nakhoda Malim pun *menerimalah bicara*.

Maka Nakhoda Malim pun bersiap perahu. Setelah siap itu perahu, maka anak raja itu pun diambil oleh Nakhoda Malim, dan lalu dibawanya belayar masuk Negeri Jambi. Maka Nakhoda Malim memanggil nama(nya), Tuan Bujang. Dan Nakhoda Malim itu orang Pagaruyung. Tiada berapa lama di Jambi, Nakhoda Malim pun naik ke Pagaruyung. Dan Tuan Bujang pun dibawanya oleh Nakhoda Malim, dibuat seperti anaknya.

Dipetik daripada
'Asal Usul Raja Kecil'
dalam antologi Kerusi ,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *menerimalah bicara*? [2 markah]
- (ii) Nyatakan cara-cara Laksamana menyelamatkan anak raja itu daripada Yam Tuan Muda. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah putera itu perlu diselamatkan daripada Yam Tuan Muda. [3 markah]

Soalan 2(d) - Petikan Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

DUHAI PENTAFSIR

Pentafsir, sebenarnya telah lama kucari
suaramu yang sarat
ke mana jatuhnya gema itu?
Di manakah tempat istirahat
setelah pengembaraan yang penat
di manakah telah kaurakamkan
pertemuan matahari, rimba dan lautan?

Senja ini menemuiku
dengan lusuh catatanmu
angin sedang cuba mengoyak-ngoyakkan lembar-lembar buku
sedang aku belum ketemu
surat yang kautuliskan padaku.

Telah hilangkah ia

atau kau tidak pernah menulisnya
ah, aku tidak bisa tidur dan melupakan
racun keresahan telah membunuh lenaku
sejak kudahagai penawar dalam lautan nota-notamu.
kiranya terdampar dalam angin yang ragu
yang tidak mengenal arah tiupannya
angin tanpa sabar yang telah melunturkan
kehijaun dalam keriangannya masa kecilku.

Pentafsir, *musim telah terlalu tua*
kaca jendela menjadi kelabu
dan aku telah terlalu lesu
untuk menari bersama bayang-bayangmu
senja pun semakin larut
lembar-lembar menjadi semakin kuning
apakah aku harus mengebumikan buku-buku ini
di samping pusaramu yang sepi.

Hentikan ejekanmu
biar kupecahkan kaca ini
melihat keluar. Lalu mengenal
rumpun-rumpun yang redup
adalah pengakuanmu. Tuhanku!
yang menjernihkan mataku.

Zurinah Hassan
Antologi *Kerusi*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud rangkai kata *musim telah terlalu tua*
kaca jendela menjadi kelabu [2 markah]
- (ii) Apakah sebab manusia mula insaf apabila usia semakin tua.
Kemukakan tiga pandangan anda. [3 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas? [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan

- (a) Tulis **satu** ayat bagi tiap-tiap kata ganda di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan kata ganda itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) gara-gara
- (ii) terang-terang
- (iii) panji-panji
- (iv) jentik-jentik
- (v) ingat-ingat
- (iv) olok-olok

[6 markah]

- (b) Nyatakan pola-pola ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), atau Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)

- (i) Semua guru sekolah menengah berkursus di Pulau Pangkor.
- (ii) Rumah kediamannya musnah dalam kebakaran malam tadi.
- (iii) Abang saya pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim.
- (iv) Air laut tenang pada waktu petang.
- (v) Surat itu untuk ibunya di kampung.
- (vi) Putrajaya pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan ejaan dan **satu** kesalahan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksudnya.

- (i) Kementerian Pelajaran Malaysia menggariskan enam teras stratigik untuk mengukur kejayaan pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.

- (ii) Golongan muda merupakan kelompok yang membesar peratusannya dalam populasi penduduk di kebanyakan negara.
- (iii) Bantuan makanan tidak dapat diagihkan kepada mangsa kerana masalah logistik dan berkurangan tenaga sukarela.

[6 markah]

(c) Dalam petikan di bawah **terdapat tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

- (i) Pihak Polis menyaki kegiatan mencuri barang-barang dilakukan oleh mereka yang tidak beramanah.
- (ii) Kemunculan seorang lembaga di atas pentas ketika lampu digelapkan amat menyeramkan penonton, terutama kanak-kanak.
- (iii) "Nah, hebat sungguh!" komen seorang penuntun yang berada di sebelah saya semasa menyaksikan persembahan teater 'Puteri Gunung Ledang'.

[6 markah]

(d) Baca peribahasa di bawah dengan teliti dan kemudian berikan maksud peribahasa tersebut.

- (i) tulang belakang [2 markah]
- (ii) terang hati [2 markah]
- (iii) tangan kosong [2 markah]

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwillis Hj. Yusof
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad

- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Watak utama dalam novel digambarkan sebagai seorang bertanggungjawab.
Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua contoh yang dapat membuktikan pernyataan di atas.
[7 markah]
- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda kaji, jelaskan satu persoalan mempertahankan maruah yang terdapat dalam setiap novel.
[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
2010



JABATAN PELAJARAN PERAK

JUSA



**Skema
Jawapan**



Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

<http://exammy.com/>
<http://edu.joshuatly.com/>

GARIS PANDUAN GURU BM 1

BAHAGIAN A

PERANAN SUKAN DI SEKOLAH

Dimensi	: Diri dan sekolah
Tema	: Peranan bersukan
Aras	: Rendah
Kemahiran	: Aplikasi maklumat
Format	: Tiada
Cadangan Idea:	

1. Memanfaatkan masa lapang dengan bersukan - Permainan utama hoki, bola jaring dan sepak takraw.
2. Mewujudkan kerjasama - pergaulan pelbagai kaum/perpaduan - mengeratkan hubungan/silatullahim.
3. Semangat bersukan mengharumkan nama sekolah
4. Memupuk nilai murni
5. Menghindarkan gejala tidak sihat
6. Membina sahsiah yang baik dan terpuji
7. Memupuk gaya hidup yang sihat.
8. Mengasah bakat

BAHAGIAN B

SOALAN 1

Masyarakat kini suka akan makanan segera di samping mengamalkan gaya hidup moden. Hal demikian menjadi punca utama munculnya pelbagai penyakit.

Sebagai remaja yang prihatin, huraikan cara-cara yang boleh anda lakukan untuk membantu masyarakat hidup cara sihat.

Dimensi	:	Diri
Tema	:	Amalan Hidup Sihat
Aras	:	Rendah
Kemahiran	:	Maklumat
Format	:	Tiada
Cadangan Idea	:	

1. Pemakanan seimbang – ikut piramid makanan
2. Mengamalkan cara hidup sihat – tidak merokok dan lain-lain.
3. Bersenam – tiga kali seminggu selama selama 30 minit.
4. Ikuti kempen kerajaan.
5. Berjumpa doktor sekurang-kurangnya dua kali setahun.

SOALAN 2

Ada pendapat yang mengatakan bahawa amalan gaya hidup sihat itu bermula di rumah. Hal ini bermaksud, keluarga berperanan penting terhadap amalan gaya hidup sihat dalam kalangan anak-anak. Bincangkan peranan keluarga dalam memastikan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan anak-anak.

Dimensi	:	Keluarga
Tema	:	Gaya Hidup Sihat
Aras	:	Sederhana
Kemahiran	:	Aplikasi Maklumat
Format	:	Tiada

Cadangan Idea:

1. Keluarga, terutamanya ibu bapa bertanggungjawab memastikan pemakanan yang sihat untuk anak-anak.
2. Ahli keluarga bersama-sama mengamalkan gaya hidup sihat – bersenam
3. Ahli keluarga, terutamanya ibu bapa bertanggungjawab berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan anak-anak - mendapatkan rawatan doktor
4. Keluarga mengamalkan budaya hidup positif
5. Ibu bapa berperanan sebagai suri teladan kepada anak-anak – mengamalkan gaya hidup sihat.

SOALAN 3

Sektor pelancongan banyak membuka peluang kepada rakyat untuk meningkatkan pendapatan. Oleh itu, langkah-langkah mengalakkan kehadiran pelancong asing ke negara kita perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak.

Cadangkan langkah-langkah tersebut.

Dimensi	:	Negara
Tema	:	Pelancongan
Aras	:	Mudah
Kemahiran	:	Aplikasi Maklumat
Format	:	Tiada

Cadangan Idea :

1. Rakyat / masyarakat perlu memperhatikan kesopanan – berbudi bahasa dan mengekalkan keindahan pantai yang bersih dan prasarana yang disediakan
2. Pihak kerajaan mewujudkan bangunan yang menarik – menjadi mercu tanda negara seperti Menara Kuala Lumpur dan Menara Berkembar Kuala Lumpur
3. Pihak swasta / peniaga mempromosikan pelbagai jenis makanan tradisi negara
4. Kementerian Pelancongan dan Warisan Kesenian Negara meneruskan kempen Tahun Melawat Malaysia atau menganjurkan aktiviti bertaraf antarabangsa seperti LIMA, Le Tour de Langkawi
5. Syorkan perhotelan menyediakan penginapan dan pakej menarik

6. Kesenian kraftangan mengadakan promosi produk negara
7. Media massa mewara-warakan keistimewaan negara ke luar negara menerusi syarikat penerbangan, akhbar dan internet

SOALAN 4

Wabak penyakit berbahaya boleh menular ke mana- mana negara di dunia ini. Oleh itu, setiap negara perlu bersedia dengan cara-cara yang berkesan bagi menangani penularan wabak penyakit berbahaya ini.

Tulis rencana tentang cara-cara yang boleh diambil oleh negara-negara di dunia termasuk Malaysia untuk menangani penularan wabak penyakit berbahaya ini. Tulis rencana tersebut selengkapnya.

Dimensi	:	Antarabangsa
Tema	:	Teleperubatan
Aras	:	Tinggi
Kemahiran	:	Aplikasi Maklumat
Format	:	Rencana
Cadangan Idea	:	

1. memahami istilah-istilah
 - wabak berbahaya - disebarkan oleh virus tertentu (selesema burung, demam denggi berdarah, AIDS, SARS)
 - negara jiran (Thailand, Singapura, Indonesia, Brunei)
2. Cara-cara pencegahan:
 - kuarantin
 - memeriksa tahap kesihatan
 - pendidikan kesihatan
 - membuat penyelidikan

SOALAN 5

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengadakan peraduan mengarang cerpen bersempena dengan sambutan Hari Warga Tua. Cerpen yang dihasilkan mestilah berdasarkan slogan "Golongan Muda Prihatin, Golongan Tua Terbela". Anda ingin menyertai pertandingan itu.

Tulis cerpen anda itu selengkapnya

Dimensi	:	Masyarakat – KOMSAS
Tema	:	Nilai Murni
Aras	:	Sederhana
Kemahiran	:	Apresiasi
Format	:	Cerpen
Cadangan Idea	:	

1. Unsur Cerpen – Tema – “Golongan Muda Prihatin, Golongan Tua Terbela”, Watak dan perwatakan, Persoalan – persoalan (yang berkaitan dengan warga tua), Plot (permulaan, perkembangan, klimaks dan peleraian), Teknik plot (imbas kembali, saspens, imbas muka, monolog, dan lain-lain), Pengajaran, dan Nilai.
2. Rahim sering melihat seorang lelaki tua yang tidak terurus pakaiannya di hadapan kawasan sekolah – rambut lelaki tua itu agak panjang dan jambangnya juga tidak kemas
3. banyak rakan Rahim yang mengandaikan lelaki tua itu gila – namun, Rahim kurang bersetuju – dilihatnya lelaki tua itu lebih banyak duduk termenung dan tidak bercakap-cakap seperti orang gila yang pernah dilihatnya
4. suatu petang, Rahim dan Roslan mendekati lelaki tua itu yang duduk di tempat menunggu bas – wajahnya kelihatan begitu sedih – Rahim membelikan lelaki tua itu makanan dan air minuman – lelaki tua itu makan dengan begitu lahap
5. lelaki tua itu menceritakan bahawa dia berasal dari kampung – datang ke bandar untuk mencari dua orang anak lelakinya – malangnya dia tersesat – sejak itu dia merayau-rayau tanpa haluan – dia tidak mahu balik ke kampung kerana berazam untuk mencari anaknya
6. Ayah Rahim tiba di tempat menunggu bas – Rahim meminta ayahnya membawa lelaki tua itu balik ke rumah mereka
7. malam itu lelaki tua itu menceritakan segala latar belakangnya – dua orang anaknya itu lulusan universiti – sejak berkahwin dengan anak orang kaya, mereka melupakannya – setelah isterinya meninggal dunia, dia berazam untuk mencari anak-anaknya
8. menunjukkan gambar kedua-dua orang anaknya ketika menerima ijazah – Rahim, emaknya, dan ayahnya menitiskan air mata – tidak menyangka anak-anaknya sanggup berbuat demikian
9. ayah Rahim mengamati kedua-dua keping gambar itu – dia perasan bahawa wajah salah seorang anak lelaki itu seiras dengan wajah pegawai di bank tempat dia selalu membuat urusan – dia berjanji akan membantu lelaki tua itu
10. seminggu kemudian, lelaki itu bertemu dengan anak-anaknya – kegembiraan terpancar pada wajahnya – Rahim bersyukur kepada Allah kerana dapat membantu lelaki tua yang bernasib malang itu.

1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
2010



TABATAN PELAJARAN PERAK

LEARNING TO SCORE 2010



BAHASA MELAYU

Kertas 2



PERATURAN PEMARKAHAN

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

<http://exammy.com/>
<http://edu.joshuatly.com/>

PERATURAN PEMARKAHAN

SOALAN 1 : RUMUSAN (30 MARKAH)

Markah penuh **30** dibahagikan kepada :

- (a) Isi - **20** markah
- (b) Bahasa - **10** markah

(a) Isi (20 markah)

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- * nama khas
- * perkataan berulang / berganda
- * penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- * gelaran
- * tarikh
- * angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja (sehingga ayat tersebut lengkap) sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja (sehingga ayat tersebut lengkap), yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (v) Berikan markah penuh bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja. Jika tidak lengkap beri separuh markah.

BAHAGIAN	MARKAH										MARKAH
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup / Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

(b) Bahasa (10 markah)

Asas pemberian bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut:

PERINGKAT	MARKAH ISI	MARKAH BAHASA	HURAIAN BAHASA
Baik	18 – 20	9 – 10	<ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan isi baik - Struktur ayat / tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca / ejaan betul
	15 – 17	7 – 9	
Sederhana	12 - 14	6 - 7	<ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca / ejaan juga memuaskan
	8 - 11	4 - 6	
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota :

- (i) Markah bahasa keseluruhan ialah 10 markah.
- (ii) Markah maksimum bahasa yang boleh diberi kepada calon adalah separuh daripada jumlah markah pendahuluan, isi dan penutup.
- (iii) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (iv) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (v) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan **0 markah**.
- (vi) Jika rumusan **kurang 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

SKEMA RUMUSAN

Bil	Isi	Markah
<p>Pendahuluan [2 markah]</p>		
1	Petikan membincangkan faktor-faktor / sebab-sebab terjadinya bencana alam yang merosakkan pembangunan negara.	2
2	Petikan membincangkan faktor-faktor berlakunya bencana alam yang menjejaskan pembangunan negara.	1
<p>Isi-isi Tersurat – [4 hingga 12 markah] (Punca-punca berlakunya bencana alam)</p>		
1	Keghairahan negara untuk membangun dengan pesat.	2
2	Pembukaan kawasan bandar baru, industri dan kawasan perumahan menyebabkan perubahan sistem ekologi.	2
3	Perubahan perubahan cuaca global.	2
4	Kemusnahan alam sekitar terutama hutan belantara negara.	2
5	Lemahnya koordinasi antara agensi kerajaan dan orang ramai dalam mengambil tindakan semasa bencana berlaku.	2
6	Ketiadaan sistem amaran awal.	2
7	Kegagalan penyampaian maklumat.	2
8	Kurangnya kesedaran masyarakat untuk menjaga alam sekitar.	2
9	Penyelenggaraan sungai dan pembalakan hutan yang tidak praktikal.	2
<p>Isi-isi Tersirat – [4 hingga 12 markah] (Usaha-usaha menanganinya)</p>		
1	Kempen kesedaran kepada generasi muda.	2
2	Kerajaan mengadakan sistem pengurusan bencana yang berkesan.	2
3	Penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat.	2

4	Masyarakat mengubah sikap sambil lewa kepada sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar. * Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai	2
	Kesimpulan – [2 markah] Kesimpulannya, semua pihak haruslah bekerjasama untuk menangani masalah bencana alam supaya negara sentiasa aman.	2

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada :

Soalan 2 (a) : 9 markah

Soalan 2 (b) : 9 markah

Soalan 2 (c) : 8 markah

Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

- Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
- Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap / sempurna**.
- Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu betul, **berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

- Soalan 2 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

- Soalan 3 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
-----------	--------

- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi kurang lengkap / kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2 (a) : Petikan Umum

- (i) Maksud rangkai kata gelombang kemajuan ialah :
- riak / tanda-tanda / perihal kemajuan - 2m
 - riak / tanda-tanda kemajuan - 1m
- [Maksimum 2 markah]**
- (ii) Kesan-kesan akibat daripada berlakunya bencana alam ialah :
- ratusan nyawa hilang - 1m
 - ancaman kepada keselamatan dan ekonomi - 1m
 - kerugian harta benda - 1m
 - menjejaskan aktiviti masyarakat setempat - 1m

(Pilih mana-mana tiga jawapan)

[Maksimum 3 markah]

- (iii) Langkah-langkah untuk mengatasi masalah pencemaran sungai oleh pelbagai pihak ialah :
- kerajaan mengadakan kempen Cintailah Sungai Kita. - 1m
 - rakyat perlu mengubah sikap dengan tidak membuang sampah ke dalam sungai - 1m
 - anggota masyarakat mengadakan gotong-royong membersihkan sungai. - 1m
 - ibu bapa menerapkan kesedaran sivik dalam diri anak-anak. - 1m
 - sekolah mengadakan ceramah tentang kepentingan sungai. - 1m

(Pilih mana-mana empat jawapan)

[Maksimum 4 markah]

Soalan 2 (b) Petikan Cerpen (ANNYSS SOPHILLEA)

- (i) **Tiga** perkara yang dinyatakan oleh Strenn kepada Annyss ialah:
- sudah lama Annyss menghilangkan diri [1 markah]
 - siapa lagi kalau bukan Strenn yang merupakan sepupu Annyss yang seorang [1 markah]
 - tak ke mana pun perginya belut, akhirnya pulang juga ke lumpur. [1 markah]
 - sekadar bertanya khabar [1 markah]
 - menyuruh Annyss melupakan Eyrique dan sekiranya dia menjadi isteri Strenn, sekali gus dia akan menjadi permaisuri Alstonia [1 markah]
 - sebaliknya sekiranya Eyrique menaiki takhta, Annyss tidak akan mendapat apa-apa. [1 markah]
- [Pilih mana-mana **tiga** jawapan]

- (ii) **Tiga** faktor yang mendorong Annyss mengeluarkan kata-kata yang kasar adalah :
- marah kepada Strenn kerana menyembunyikan kembarnya Eyrique [1 markah]
 - tidak ingin menjadi isteri Strenn [1 markah]
 - benci akan perangai Stren [1 markah]
 - marah akan sikap Stren [1 markah]
 - Tidak percaya/ragu akan Strenn [1 markah]
- [Pilih mana-mana **tiga** jawapan]

- (iii) Perwatakan Annyss dalam petikan cerpen di atas ialah:
- Tegas. Contohnya, tidak mahu menjadi isteri Strenn/permaisuri Alstonia [1 markah]
 - Penyayang. Contohnya, terus mengingati/menyanyangi kembarnya Eyrique [1 markah]
 - Gigih/Tidak putus asa. Contohnya, terus berusaha mencari kembarnya Eyrique [1 markah]
- [Pilih mana-mana **satu** jawapan]

Perwatakan Annyss yang lain terdapat dalam keseluruhan petikan cerpen di atas ialah:

- Berani. Contohnya, dia turun ke bumi seorang diri untuk mencari kembarnya Eyrique [1 markah]
- Memiliki kesaktian. Contohnya memanggil eustay/kuda putihnya turun ke bumi, membesarkan saiz burung Inderawasish dan menjadi sangat kuat sekiranya kuasanya bersatu dengan kuasa kembarnya. [1 markah]

[Pilih mana-mana **satu** jawapan]

Soalan (2 c) : Asal Usul Raja kecil.

- (i) Maksud rangkai kata *menerimalah bicara*
- Sanggup mengikut arahan / patuh kepada keputusan / bersetuju dengan kata-kata yang

diucapkan .

[2 markah]

(ii) cara-cara Laksamana menyelamatkan anak raya itu daripada Yam Tuan Muda ialah

- Laksamana berpakat dengan Raja Negara untuk melarikan anak raja [1 markah]
- Laksamana meminta Nakhoda Malim yang boleh membawa anak raja belayar dan meminta Nakhoda menyimpan rahsia bahawa anak raja itu ialah Putera Marhum Mangkat Dijulang. [1 markah]
- Nakhoda Malim membawa anak raja itu belayar ke Negeri Jambi dan Menganggap seperti anaknya. [1 markah]

(ii) Putera itu diselamatkan daripada Yam tuan Muda kerana

- Untuk mengelak putera itu daripada dibunuh oleh Yam Tuan Muda. [1 markah]
- Putera itu merupakan pewaris tahta. [1 markah]
- Merupakan putera kepada Sultan Mahmud Mangkat Dijulang. [1 markah]
- Putera itu merupakan anak kepada isteri kedua sultan. [1 markah]

[Pilih mana-mana **tiga** jawapan]

Soalan (2 d)

(i) Maksud rangkai kata *musim telah terlalu tua kaca jendela menjadi kelabu*

- usia yang sudah lanjut, penglihatan semakin kabur. [2 markah]

(ii) **Tiga** sebab manusia mula insaf apabila usia semakin tua

- pemikiran semakin matang hasil pengalaman dan pembacaan. [1 markah]
- menginsafi segala kesalahan lalu dan ingin membuat kebaikan [1 markah]
- menyedari pada bila-bila masa sahaja kematian akan menjemputnya. [1 markah]
- badan yang sudah lemah memerlukan kekuatan dan ketenangan jiwa. [1 markah]

[pilih mana-mana **tiga** jawapan]

(iii) **Dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak

- kita hendaklah insaf tentang kesalahan yang pernah dilakukan dan melakukan kebaikan. [2 markah]
- kita hendaklah cinta akan agama supaya hidup mengikut peraturan agama. [2 markah]
- kita perlu berusaha dengan gigih mengubah sikap yang buruk. [2 markah]

[pilih mana-mana **dua** jawapan]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

3 (a)

- (i) gara-gara
- bencana/huru-hara

- akibat

Contoh ayat:

Gara-gara kemalangan yang berlaku itu, laluan ke bandar Temerloh menjadi sesak.

(ii) terang-terang

- tidak berselindung
- nyata / jelas

Contoh ayat:

Perkara yang dicakapkan oleh pemimpin itu terang-terang menggambarkan keikhlasannya untuk membantu penduduk di kampung itu.

(iii) panji-panji

- bendera

Contoh ayat:

Panji-panji negara melambangkan maruah dan kedaulatan negara.

(iv) jentik-jentik

- anak nyamuk yang masih berupa ulat dalam air

Contoh ayat:

Bekas-bekas kosong yang tidak digunakan lagi hendaklah ditanam agar tidak menjadi tempat pembiakan jentik-jentik.

(v) ingat-ingat

- hati-hati
- berjaga-jaga
- bersiap sedia

Contoh ayat:

"Ingat-ingat semasa melintas jalan", pesan Mak Munah kepada anaknya.

(vi) olok-olok

- main-main
- lawak-lawak

Contoh ayat:

Bangkangannya itu hanya olok-olok sahaja.

3 (b)

1. FN + FK
2. FN + FK
3. FN + FN
4. FN + FA
5. FN + FSN
6. FN + FN

3 (c)

- (i) Kementerian Pelajaran Malaysia menggariskan enam teras stratigik (mudah) untuk mengukur kejayaan perlaksanaan (sukar) Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.
- (ii) Golongan muda merupakan kelompok yang membesar (sederhana) peratusannya dalam populasi penduduk di kebanyakkan (mudah) negara.
- (iii) Bantuan makanan tidak dapat diagihkan kepada mangsa kerana masaalah (mudah) logistik dan berkurangan (sederhana) tenaga sukarela.

(6 markah)

(i)	stratigik – strategik	(1m)	perlaksanaan – pelaksanaan	(1m)
(ii)	kebanyakkan – kebanyakan	(1m)	membesar – terbesar	(1m)
(iii)	masaalah – masalah	(1m)	berkurangan – kekurangan	(1m)

3 (d)

- (i) Pihak polis **mengesyaki** kegiatan mencuri barang-barang dilakukan oleh mereka yang tidak **bertanggungjawab**. (2 m)
- (ii) Kemunculan **suatu** lembaga di atas pentas ketika lampu **dimalapkan** amat menyeramkan penonton, terutama kanak-kanak. (2 m)
- (iii) “**Wah**, hebat sungguh!” komen seorang **penonton** yang berada di sebelah saya semasa menyaksikan persembahan teater ‘Puteri Gunung Ledang’. (2 m)

3 (e) *Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudikan kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan.*

- (i) tulang belakang - punca kekuatan / orang harapan [2 markah]
- (ii) terang hati - lekas pandai [2 markah]
- (iii) tangan kosong – hampa [2 markah]

Skema Jawapan 4(a):

4 (a) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof

1. Tuk Kura seorang yang bertanggungjawab apabila dia sebagai ketua kepada suku kaum kura-kura sanggup mempertahankan maruah suku kaum daripada dimalukan dihadapan semua binatang dengan menyahut cabaran Sang Arnab untuk berlumba.
2. Tuk Kura seorang yang bertanggungjawab apabila sanggup melatih suku- sakat sebagai persediaan untuk berlumba.
3. Tuk Kura seorang yang bertanggungjawab apabila dia sanggup menggantikan tempat anak buahnya dalam perlumbaan sebenar.

4. Tuk Kura seorang yang bertanggungjawab apabila sanggup menerima cacian suku kaum kerana melatih anak-anak buahnya terlalu keras sehingga dianggap mendera.

4(a) Julia karya Abu Hassan Morad

1. Julia seorang yang bertanggungjawab apabila dia sanggup menerima memikul tanggungjawab menguruskan syarikat peninggalan bapanya.
2. Julia seorang yang bertanggungjawab apabila sanggup menjaga adik-adiknya selepas ibu bapanya meninggal.
3. Julia seorang yang bertanggungjawab apabila sanggup turun padang bagi melihat sendiri masalah yang dihadapi dalam BMPRO Transport.
4. Julia seorang yang bertanggungjawab apabila dia sanggup menghadapi semua kemelut dalam menguruskan syarikatnya.

Skema Jawapan 4(b):

4(b) Perlumbaan Kedua karya Marwillis Hj. Yusof

1. Mempertahankan maruah bangsa
Tuk Kura sanggup menerima cabaran Sang Arnab bagi mempertahankan maruah bangsanya.
2. Mempertahankan maruah diri
Sang Arnab berani mencabar suku kaum kura-kura untuk berlumba kerana tidak mahu maruah suku kaumnya terus dipersoal.

4(b) Julia karya Abu Hassan Morad

1. Mempertahan maruah keluarga
Bapa Julia sanggup menghantar Julia ke Australia demi menjaga maruah anak gadisnya.
2. Mempertahankan maruah diri.
Julia tidak menerima pelawaan Rashid untuk keluar berfoya-foya demi menjaga maruah keluarganya.